

TARikh 13 - 14 MEI 2012


TEMPAT THEATRETT AHMAD NESFU &
DEWAN KULIAH PUSAT 1, UMS

AKTIVITI
BENGKEL: 13 MEI 2012 (9.00 pagi : 10.00 malam)
14 MEI 2012 (9.00 pagi : 5.00 petang)
KONSERT: 14 MEI 2012 (7.00 : 10.30 malam)

POSTER
Seminar
dan
Bengkel
2012.



AGNES KU



RESOT IGGAU



DR. ISMAIL



AZMEL SATAR

Seminar dan Bengkel Koir Mei ini...

anjuran Sekolah Pengajian Seni UMS

NST 06.04.2012 12

MENYEDARI koir sudah menjadi salah satu kokurikulum wajib bagi semua sekolah, satu Seminar dan Bengkel Koir akan dianjurkan Sekolah Pengajian Seni Universiti Malaysia Sabah (UMS), pada Mei ini.

Seminar dan bengkel yang diadakan selama dua hari itu adalah bermula pada 13 dan 14 Mei, dari jam 8 pagi hingga 6 petang.

Dekan Sekolah Pengajian Seni berkenaan, Prof. Madya Dr. Ismail Hj. Ibrahim berkata, dengan adanya program seperti itu, ia diharap dapat mewujudkan hubungan integrasi dikalangan pemuzik lebih-lebih di sekolah mahupun maktab dan juga sektor kerajaan.

Beliau yang juga penasihat untuk bengkel koir ini turut berbangga dan memberikan sokongan penuh terhadap aktiviti yang dijalankan.

Sesungguhnya pertandingan koir adalah salah satu acara tahunan popular antara sekolah dan juga sektor kerajaan di negeri ini.

Antara aktiviti menarik dijangka diadakan sepanjang bengkel termasuklah kuliah dan bengkel 'Ethics in Choir Performance' dan 'Judging Criteria in the Choir Competition', 'Technique in Vocal Production, Choral Singing and Performance', 'Sound Reinforcement in Choral Performance', 'Choral Audition and Classification of voices', 'Choral Conducting', 'Qualities of Good Singing' dan Konsert Vokal.

Manakala pengemudi bengkel ini tentunya pensyarah-pensyarah berpengalaman seperti, Dante C. Oblimar, Agnes Ku Chun Moi, Cik. Irene Wong dan juga Azmel Abdul Satar.

Sementara itu, Ketua Program Seni Muzik, Seko-

lah Pengajian Seni iaitu Resot Iggau yang merupakan pengurus 1 bengkel ini, menyatakan rasa bangga dan mengharapkan akan mendapat sambutan daripada semua pihak terutamanya di kalangan para pelajar sekolah.

Bengkel ini akan diadakan di Theatrette Ahmad Nisfu, Sekolah Pengajian Seni, UMS.

Penyertaan terbuka kepada semua yang berminat dengan bayaran sebanyak RM120 setiap peserta. Ini adalah termasuk jamuan makan, sijil penyertaan, beg, alat tulis dan juga nota kuliah.

Selain daripada itu juga, penyertaan boleh dibuat secara muat turun online melalui Facebook Group Bengkel Koir Peringkat Negeri Sabah 2012. Pembayaran boleh dibuat dengan menggunakan Postal Order (Wang Pos) atau cek atas nama Bendahari UMS. Walau bagaimanapun pembayaran boleh juga dilakukan pada hari bengkel berkenaan tetapi borang harus dikembalikan semula sebelum atau pada 16 April 2012.

Alamat yang boleh digunakan untuk menghantar borang dan wang pembayaran ialah melalui BENGKEL KOIR PERINGKAT NEGERI SABAH 2012, Sekolah Pengajian Seni, Universiti Malaysia Sabah, Beg Berkunci 2073, 88999 Kota Kinabalu Sabah. Faks nombor, 088-320344.

Sebarang pertanyaan hubungi, Pengarah 1 Resot Iggau di talian 0195842255, Pengarah II Agnes Ku (088-320000-ext.2673), Jinky Jane C Simeon (088-320000-ext.2741), Annabel Eliza Tiu (0168151963), Roslee Haji Wahid (0123897473) dan Dunstan Oswald Roland (0168351142). -Oleh Almawati Rakim